

ETIKA BEDAH SIASAT JENAZAH MENURUT ISLAM

Kaedah melakukan bedah siasat jenazah bukanlah sesuatu yang mutlak. Individu atau kumpulan yang terlibat dalam urusan bedah siasat jenazah perlu memenuhi etika yang digariskan oleh syarak antaranya :

- Menghormati, menjaga hak dan kemuliaan jenazah sebagai manusia.
- Menyegerakan pengurusan bedah siasat jenazah.
- Mendapat kebenaran waris dan/atau pihak berkuasa.
- Melakukan bedah siasat dengan cermat (tidak kasar).
- Melakukan bedah siasat mayat setakat yang diperlukan sahaja.
- Menjaga aurat jenazah.
- Menjaga rahsia jenazah.
- Tidak menghina, mencemuh dan memaki jenazah.
- Mengambil langkah-langkah keselamatan.
- Menguruskan jenazah dan sampel kajian (organ atau tisu) selepas bedah siasat dengan sebaik-baiknya.
- Tidak mengambil tisu atau organ jenazah.
- Orang yang berkaitan sahaja dibenarkan hadir semasa bedah siasat jenazah.



ETIKA BEDAH SIASAT BAGI JENAZAH WANITA

Diuruskan oleh petugas daripada jantina yang sama mengikut keutamaan berikut :

1. Doktor perempuan Muslim pakar.
2. Doktor perempuan bukan Muslim pakar.
3. Doktor lelaki Muslim pakar.
4. Doktor lelaki bukan Muslim pakar.

Islam mengharuskan petugas lelaki terhadap jenazah perempuan dalam keadaan darurat dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tidak bersendirian.
2. Menahan pandangan mata.
3. Menyentuh di tempat yang berkaitan sahaja.

(Keputusan persidangan Majma' al-Fiqh al-Islami,
21 hingga 27 Jun 1993. Brunei Darussalam)



ETIKA BEDAH SIASAT JENAZAH MENURUT ISLAM

Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM/BM/50,000/2017
Dengan kerjasama:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

FATWA BEDAH SIASAT

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke - 25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah memutuskan :

“ Pembedahan jenazah orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan ” darurat ” sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan “postmortem” atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup ”.

MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN KALI KE-61

Bersidang pada 27 Januari 2004 dalam membincangkan mengenai hukum bedah siasat jenazah yang kematian bukan dikategorikan kes jenayah telah memutuskan “ Hukum asal pembedahan jenazah adalah HARAM tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan darurat atau terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenal pasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan ”.

TUJUAN BEDAH SIASAT

- Pengesahan identiti.
- Kenal pasti sebab kematian; punca, cara dan masa kematian.
- Mengesan, mengambil dan mendokumenkan jenis penyakit.
- Tujuan bukti, barang kes - melalui gambar.
- Menghilangkan keraguan - sebab kematian.
- Kajian rawatan, tingkat kepakaran, penyelidikan untuk dapatkan sampel dan lain-lain.
- Keperluan undang-undang.

KEMATIAN YANG PERLU BEDAH SIASAT

1. Kes “ *medicolegal* ” - kes polis (tidak perlu keizinan waris, majistret / polis boleh keluaran arahan borang pol.61) :
 - Semua kematian yang mendadak luar biasa, disyaki bukan kes - kes biasa, akibat perlakuan ganas seperti bunuh.
 - Kematian mendadak biasa tetapi tidak diketahui sebab kematian daripada segi perbuatan.
 - Kematian antaranya di tempat kerja, akibat keracunan, kemalangan, mangsa lemas, bunuh diri, kebakaran, akibat daripada bahan kimia dan lain-lain.
2. Kes klinikal - kematian di wad atau kerana penyakit berjangkit, memerlukan :
 - Dengan keizinan/tanpa perlu keizinan waris.
 - Antara penyakit - penyakit yang terlibat dalam kes klinikal: SARS, HIV/AIDS, JE, TB dan lain-lain.
 - Kematian di dalam wad, tetapi memerlukan penyelidikan untuk mencari sebab kematian walaupun telah diketahui.
 - Kematian ibu semasa mengandung.

